

Ruj. Tuan: /
Ruj. Kami: LPK.100-1/3/1 (6)
Tarikh : 3 April 2024

SENARAI EDARAN :

1. OPERATOR PELABUHAN
2. SYARIKAT / EJEN PERKAPALAN
3. EJEN FRET
4. EJEN PENGHANTARAN
5. OPERATOR GUDANG
6. OPERATOR *ON-DOCK DEPOT*
7. OPERATOR INSTOLASI
8. SYARIKAT HAULIER
9. PEMBEKAL PERKHIDMATAN SAMPINGAN
10. PENGGUNA-PENGGUNA PELABUHAN

YBhg. Dato' / Tuan / Puan,

PEKELILING PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN KELANG NO. 2/2024

PENGECUALIAN CUKAI PERKHIDMATAN BAGI SEKTOR LOGISTIK DI KAWASAN KHAS (ZON BEBAS) PELABUHAN KLANG TERMASUK PORT KLANG FREE ZONE (PKFZ)

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 4/2024 Jabatan Kastam DiRaja Malaysia berkaitan Penambahbaikan Dasar Layanan Cukai Perkhidmatan Ke Atas Perkhidmatan Logistik bertarikh 29 Mac 2024 dan Siaran Media Kementerian Kewangan berkaitan Pengecualian Cukai Perkhidmatan Bagi Sektor Logistik dan Penyenggaraan bertarikh 31 Mac 2024.

2. Seperti yang dimaklumkan dalam dasar dan siaran media tersebut, Kementerian Kewangan telah memperincikan skop pengecualian Cukai Perkhidmatan bagi membantu mengurangkan kesan langsung kepada kos sara hidup rakyat serta insiden cukai berganda bagi sektor logistik.

3. Berikut merupakan ringkasan kepada peluasan skop pengecualian cukai perkhidmatan bagi sektor logistik:

- i. Butiran 1 (a) dan Butiran 1 (b) digabungkan sebagai satu butiran bagi Kumpulan J: Perkhidmatan Logistik, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
- ii. Semua perkhidmatan di bawah Kumpulan J: Perkhidmatan Logistik yang dibekalkan di dalam dan di antara Kawasan Khas / Kawasan Ditetapkan atau di antara Kawasan Khas dengan Kawasan Ditetapkan atau sebaliknya adalah tidak tertakluk kepada kenaan Cukai Perkhidmatan kecuai perkhidmatan Ejen Kastam yang kekal dikenakan cukai perkhidmatan seperti layanan terdahulu.
- iii. Pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan ke atas caj perkhidmatan penghantaran laut (ocean freight) bagi semua barang yang dihantar menggunakan mod pengangkutan laut, terhad kepada perjalanan / destinasi berikut:
 - a. Semenanjung Malaysia ke Sabah / Sarawak / Labuan;
 - b. Sabah / Sarawak / Labuan ke Semenanjung Malaysia;
 - c. Perjalanan di antara Sabah, Sarawak dan Labuan.

4. Sehubungan itu, **caj yang dikecualikan daripada kenaan Cukai Perkhidmatan di bawah Kumpulan J dalam kawasan pelabuhan (zon bebas) Pelabuhan Klang termasuk PKFZ** adalah seperti berikut:

- i. Caj-caj pengendalian kontena / kargo dan caj-caj lain berkaitan pengurusan pelabuhan yang dikenakan atau dikutip oleh Operator Pelabuhan dan PKFZ termasuk aktiviti pengendalian, penyimpanan dan pengangkutan.
- ii. Caj-caj penggudangan atau pengurusan penggudangan yang dikenakan atau dikutip oleh Operator Pelabuhan atau Operator Gudang.
- iii. Caj-caj perkhidmatan sampingan yang dikenakan atau dikutip oleh Pembekal Perkhidmatan Sampingan.
- iv. Caj-caj perkhidmatan di *On-Dock Depot* yang dikenakan atau dikutip oleh Operator *On-Dock Depot* termasuk *depot gate charge* (DGC) serta aktiviti pengendalian dan penyimpanan kontena kosong.

5. Walau bagaimanapun, syarat-syarat berikut adalah masih terpakai bagi semua operator yang beroperasi dalam kawasan pelabuhan (zon bebas) Pelabuhan Klang termasuk PKFZ iaitu:

- i. **Tempat perniagaan dan semua perkhidmatan bercukai yang diberikan olehnya adalah di dalam kawasan khas (zon bebas) bagi pengecualian cukai perkhidmatan di bawah Kumpulan J;**
- ii. **apa-apa caj yang berkaitan dengan aktiviti pembaikan dan penyenggaraan dalam kawasan pelabuhan (zon bebas) Pelabuhan Klang termasuk PKFZ di bawah Kumpulan G adalah masih tertakluk kepada cukai perkhidmatan yang sedang berkuatkuasa.**

6. Selain itu, Dius Pelabuhan (*Port Dues*) dan Caj Pesisiran Pantai (*Foreshore Charges*) yang dikategorikan sebagai caj kawalselia (*regulatory charges*) yang dikutip oleh Lembaga Pelabuhan Kelang **tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.**

7. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung pekeliling ini boleh diajukan kepada Jabatan Pusat Sehenti, Lembaga Pelabuhan Kelang di talian 03-3168 8211 samb. 2039 / 2040/ 2045 / 2047 atau e-mel kepada onestopagency@pka.gov.my.


8. Bersama-sama ini dilampirkan Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 4/2024 dan Siaran Media Kementerian Kewangan untuk rujukan dan tindakan pihak YBhg. Dato' / Tuan / Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(KAPT. K. SUBRAMANIAM)
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang

mamp/josc

Salinan kepada:

1. **YBHG. DATO' AZMAN SHAH BIN MOHD. YUSOF**
Ketua Pegawai Eksekutif
Northport (Malaysia) Bhd.
Jalan Pelabuhan, Pelabuhan Utara
42000 PELABUHAN KLANG
Tel : 03-3169 8787
Faks : 03-3169 8697

2. **ENCIK EDDIE LEE MUN TAT**
Ketua Pegawai Eksekutif
Westports Malaysia Sdn Bhd
P. O Box 266,
Pelabuhan Barat, Pulau Indah
42009 PELABUHAN KLANG
Tel : 03-3169 4038
Faks : 03-3169 4175

3. **PUAN FAZILAH SURKISAH BINTI MOHAMMAD**
Ketua Pegawai Eksekutif
Port Klang Free Zone Sdn. Bhd.
Jalan FZ 2-P5 / KS 12
Port Klang Free Zone, Pulau Indah
42920 PELABUHAN KLANG
Tel : 03-3101 2308
Faks : 03-3101 4096

4. **ENCIK SOO CHEE YONG**
Presiden
Association of Malaysian Hauliers (AMH)
No. 88-B-2 Lebuhr Beringin
42000 PELABUHAN KLANG
Tel : 03-3162 5656
Faks : 03-3162 5666

5. **YBHG. DATO' TONY CHIA**
Presiden
Selangor Freight Forwarders and Logistics Association (SFFLA)
Wisma SFFLA
No. 23, Jalan Cemerlang
42000 PELABUHAN KLANG
Tel : 03-3168 4363
Faks : 03-3167 5243

6. **YBHG. TAN SRI DATO' SRI DR. M. VIJAYAN**
Presiden
Malaysia Freight Forwarders Association (MAFFA)
No. 3A-13A The Landmark Building
Jalan Batu Nilam 16
Bandar Bukit Tinggi
41200 KLANG
Tel : 03-3319 3889
Faks : 03-3319 0889

7. **YBHG. DATO' NATHAN K. SUPPIAH**
Pengerusi
Malaysian National Shipper Council (MNSC)
Wisma FMM, No. 3, Persiaran Dagang, PJU9
Bandar Sri Damansara
52200 KUALA LUMPUR
Tel : 03-6286 7320
Faks : -
8. **ENCIK OOI LEAN HIN**
Presiden
Shipping Association Malaysia (SAM)
d/a. Round-the-World Logistic Corp. Sdn Bhd
UOA Business Park
No. 1, Jalan Pengaturcara U1/51A, Seksyen U1
40150 SHAH ALAM
Tel : 03-5561 8891
Faks : 03-5568 2997
9. **ENCIK MOHAMED SAFWAN BIN OTHMAN**
Pengerusi
Malaysia Shipowners Association (MASA)
Blok A2, No. A2-3-3
Ayer@8, Fasa 8C1
Jalan P8G, Presint 8
62250 PUTRAJAYA
Tel. : 03-8893 1942
Faks : 03-8893 1945
10. **ENCIK PHILIP SINNAPPAN**
Presiden
Central Region Shipping Association (CRSA)
d/a. SJS Management Services
No. 29-1, Jalan Kasuarina 2/KS6
Bandar Botanic
41200 KLANG
Tel : 03-3319 4505
Faks : 03-3318 5775
11. **YBHG. TAN SRI DATO' SOH THIAN LAI**
Presiden
Federation of Malaysian Manufactures (FMM)
Wisma FMM, No. 3, Persiaran Dagang
PJU 9 Bandar Sri Damansara
52200 KUALA LUMPUR
Tel : 03-6276 1211
Faks : 03-6274 1266
12. Pengerusi
AirFreight Forwarders Association of Malaysia (AFAM)
GFM 10, GM Floor, Core 2, Zone B
MAB Advance Cargo Centre
Free Commercial Zone
KLIA Cargo Village
Kuala Lumpur International Airport
64000 KLIA
Tel : 03-2284 2000
Faks : 03-2287 2592

13. **YBRS. DR. PUVANEAISH**
Presiden
Persatuan Usahawan Logistik Semenanjung Malaysia
No. 14, Jalan Sungai Rasau E32/E
Berjaya Park, Seksyen 32
40460 SHAH ALAM **Tel : 018-244 3633**
Faks : -
14. **ENCIK THIYAGARAJAH SUBBIAH**
Presiden
The Association of Independent Surveyors and Inspectors of Malaysia
Wisma Balisa, No. 7-4-2 (2nd Floor)
Jalan Batu Unjur 1, Taman Bayu Perdana
41200 KLANG **Tel : -**
Faks : -
15. **YBHG. DATO' SERI DR. RAVI RAJOO**
Presiden
Persatuan Perkhidmatan Sampingan Pelabuhan Selangor (SPASA)
27-2-1, Lorong Batu Nilam 1A, Bandar Bukit Tinggi
41200 KLANG **Tel : 03-3323 2427**
Faks : 03-3323 6015



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 4/2024

**PENAMBAHBAIKAN DASAR LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS
PERKHIDMATAN LOGISTIK**

1. Mulai 26 Februari 2024, di bawah seksyen 8, Akta Cukai Perkhidmatan (ACP) 2018, Menteri telah menetapkan perkhidmatan logistik adalah suatu perkhidmatan bercukai.
2. YB Menteri Kewangan di bawah kuasa yang diperuntukkan di dalam ACP 2018 telah menambah baik layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan logistik seperti berikut:
 - i. Selaras dengan kuasa Menteri di bawah seksyen 91, ACP 2018, pindaan dibuat ke atas Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 dengan memotong butiran 1(b) dan perkhidmatan di dalam butiran tersebut digabungkan di dalam butiran 1(a) di ruang [1], Kumpulan J: Perkhidmatan Logistik, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 sebagai **satu butiran**.

a. Butiran asal sebelum pindaan:

(1) Orang kena cukai
1. Mana-mana orang yang menyediakan- <i>(a)</i> perkhidmatan logistik termasuk keseluruhan atau sebahagian daripada rantaian bekalan perkhidmatan pengurusan logistik, perkhidmatan penggudangan atau pengurusan penggudangan, perkhidmatan penghantaran fret, perkhidmatan pelabuhan atau lapangan terbang, perkhidmatan perkapalan, perkhidmatan penerbangan atau perkhidmatan kemudahan rantaian sejuk; <i>(b)</i> perkhidmatan penghantaran, pengedaran atau pengangkutan barang;

b. Butiran selepas pindaan:

(1) Orang kena cukai
1. Mana-mana orang yang menyediakan- (a) perkhidmatan logistik termasuk keseluruhan atau sebahagian daripada rantaian bekalan perkhidmatan pengurusan logistik, perkhidmatan penggudangan atau pengurusan penggudangan, perkhidmatan penghantaran fret, perkhidmatan pelabuhan atau lapangan terbang, perkhidmatan perkapalan, perkhidmatan penerbangan atau perkhidmatan kemudahan rantaian sejuk, perkhidmatan penghantaran, pengedaran atau pengangkutan barang;

- ii. Selaras dengan kuasa Menteri di bawah seksyen 34(1), ACP 2018, pindaan dibuat ke atas Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018, **skop pengecualian B2B** untuk Kumpulan J: Perkhidmatan Logistik **diperluas** untuk meliputi penyediaan perkhidmatan di bawah **butiran yang sama**. Butiran yang sama adalah merujuk kepada pembahagian penyedia perkhidmatan seperti disenaraikan di bawah:

Butiran	Perkhidmatan
1(a)	Perkhidmatan logistik termasuk keseluruhan atau sebahagian daripada rantaian bekalan perkhidmatan pengurusan logistik, pengurusan pelabuhan dan lapangan terbang, penggudangan atau pengurusan penggudangan, penghantaran fret, perkapalan, penerbangan atau kemudahan rantaian sejuk, perkhidmatan penghantaran atau pengedaran atau pengangkutan barang;
1(c)	Perkhidmatan penghantaran atau pengedaran atau pengangkutan barang, dokumen atau bungkusan dengan menggunakan platform E-Dagang termasuk bagi pihak mana-mana orang; atau
1(d)	Perkhidmatan kiriman cepat yang dilesenkan di bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Pos 2012 [Akta 741]
2.	Orang bertindak sebagai ejen di bawah subseksyen 90(2) Akta Kastam 1967 [Akta 235]

- iii. Selaras dengan kuasa Menteri di bawah seksyen 51 dan 56, ACP 2018, pindaan dibuat ke atas Perintah Cukai Perkhidmatan (Pengenaaan Cukai Bagi Perkhidmatan Bercukai Berkenaan Dengan Kawasan Ditetapkan Dan Kawasan Khas), semua perkhidmatan di bawah Kumpulan J: Perkhidmatan Logistik yang disediakan di dalam dan di antara Kawasan Khas / Kawasan Ditetapkan atau di antara Kawasan Khas dengan Kawasan Ditetapkan atau sebaliknya **tidak tertakluk kepada pengenaaan cukai perkhidmatan kecuai perkhidmatan Ejen Kastam.**
- iv. Perkhidmatan Ejen Kastam yang disediakan di dalam dan di antara Kawasan Khas / Kawasan Ditetapkan atau di antara Kawasan Khas dengan Kawasan Ditetapkan atau sebaliknya **kekai tertakluk kepada cukai perkhidmatan.**
- v. Selaras dengan kuasa Menteri di bawah seksyen 34(3)(a) dan 34(4), ACP 2018, **pengecualian cukai perkhidmatan** adalah diluluskan ke atas:
- a. perkhidmatan penghantaran barang secara *door to door* bagi perkhidmatan penghantaran barang yang melibatkan:
- i. Penyediaan perkhidmatan penghantaran barang dari suatu tempat di luar Malaysia ke suatu tempat di dalam Malaysia atau dari suatu tempat di dalam Malaysia ke suatu tempat di luar Malaysia tanpa melalui pihak ketiga;
 - ii. Penyediaan perkhidmatan penghantaran barang oleh penyedia perkhidmatan rangkaian yang sama dari *consignor* kepada penerima;
 - iii. Perjalanan barangan tersebut menggunakan *airway bill / bill of lading / consignment note* yang sama dari *consignor* kepada penerima; dan
 - iv. Penggunaan inuis yang sama untuk caj penghantaran dari *consignor* kepada penerima (*single billing invoice*)
- adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.**
- b. perkhidmatan logistik berkaitan **aktiviti transit** iaitu barang yang tiba di Malaysia dan seterusnya ke suatu tempat lain di luar Malaysia melalui mod pengangkutan darat / laut / udara adalah **tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.**
- c. pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan diberikan ke atas caj perkhidmatan penghantaran laut (*ocean freight*) bagi **semua barang**

yang dihantar menggunakan **mod pengangkutan laut terhad** kepada **perjalanan/destinasi** berikut:

- i. Semenanjung Malaysia ke Sabah/ Sarawak/Labuan;
- ii. Sabah/Sarawak/Labuan ke Semenanjung Malaysia; dan
- iii. Perjalanan di antara Sabah, Sarawak dan Labuan.

3. Tarikh kuatkuasa penambahbaikan dasar ini adalah mulai **1 Mac 2024**.
4. Bagi transaksi ke belakang berhubung dengan penambahbaikan dasar ini, **pengecualian cukai perkhidmatan diluluskan** seperti berikut:
 - i. **Penerima perkhidmatan logistik dikecualikan daripada membayar cukai perkhidmatan** berdasarkan seksyen 34(3)(a), Akta Cukai Perkhidmatan 2018 bermula 1 Mac 2024 dan seterusnya **penyedia perkhidmatan logistik** dikecualikan daripada mengenakan cukai perkhidmatan berdasarkan seksyen 34(4), Akta Cukai Perkhidmatan 2018 bermula 1 Mac 2024;
 - ii. Mana-mana **cukai perkhidmatan yang telah dikutip** daripada pelanggan bermula 1 Mac 2024 sehingga 31 Mac 2024 **mesti diremit** kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia berdasarkan seksyen 26, Akta Cukai Perkhidmatan 2018; dan
 - iii. **Tiada bayaran balik (refund) cukai perkhidmatan diluluskan** kepada mana-mana pihak yang telah membayar cukai perkhidmatan ke atas apa-apa perkhidmatan logistik bagi tempoh 1 Mac 2024 sehingga 31 Mac 2024.

Penafian:

Dasar cukai perkhidmatan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dasar yang berkaitan.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**PENGECUALIAN CUKAI PERKHIDMATAN
BAGI SEKTOR LOGISTIK DAN PENYENGGARAAN**

Kementerian Kewangan telah memperincikan skop pengecualian Cukai Perkhidmatan (CP) bagi membantu mengurangkan kesan langsung kepada kos sara hidup rakyat serta insiden cukai berganda bagi sektor logistik.

“Pengecualian Cukai Perkhidmatan bagi sektor logistik dan penyenggaraan telah disediakan atas keprihatinan Kerajaan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat dan pada masa yang sama, memastikan sektor perkhidmatan negara terus berdaya saing. Bagi terus memelihara daya saing negara, Kerajaan tidak mengenakan cukai perkhidmatan di kawasan zon bebas cukai (*free zone*),” jelas YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II.

Peluasan skop pengecualian CP bagi sektor logistik

Bagi mengurangkan lagi impak kepada operasi harian aktiviti logistik, dan secara tidak langsung kepada pengguna, Kerajaan telah bersetuju supaya:

- I. **Pindaan** dibuat kepada Kumpulan J: Perkhidmatan Logistik dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 iaitu **Butiran 1(a)** berkenaan perkhidmatan logistik dan **Butiran 1(b)** berkenaan perkhidmatan penghantaran atau pengedaran atau pengangkutan barang **digabungkan sebagai satu butiran**.

Melalui penggabungan ini, skop kemudahan pengecualian antara perniagaan (*business-to-business*; B2B) telah diluaskan iaitu penyedia perkhidmatan logistik yang berada dalam Butiran 1(a) kini layak mendapat pengecualian yang lebih luas dengan tidak lagi perlu membayar CP ke atas perolehan perkhidmatan penghantaran atau pengedaran atau pengangkutan barang yang sebelum ini berada di bawah Butiran 1(b).

Sebelum ini, penyedia perkhidmatan logistik yang berada dalam Butiran 1(a) hanya layak mendapat pengecualian cukai ke atas perolehan perkhidmatan yang berada dalam Butiran 1(a) yang sama. Sila rujuk lampiran yang disediakan untuk perbandingan Butiran di bawah Kumpulan J: Perkhidmatan Logistik.

- II. Semua perkhidmatan di bawah Kumpulan J: Perkhidmatan Logistik yang dibekalkan di dalam dan di antara Kawasan Khas/Kawasan Ditetapkan atau di antara Kawasan Khas dengan Kawasan Ditetapkan atau sebaliknya **tidak tertakluk kepada kenaikan CP kecuali perkhidmatan Ejen Kastam yang kekal dikenakan CP seperti layanan terdahulu**. Oleh yang demikian, Zon Perdagangan dan Perindustrian Bebas seperti Port Klang Free Zone dan Pelabuhan Barat di Selangor serta Pelabuhan Pasir Gudang di Johor akan memperoleh manfaat daripada pengecualian ini.
- III. **Pengecualian** daripada membayar CP ke atas caj perkhidmatan penghantaran laut (*'ocean freight'*) bagi semua barang yang dihantar menggunakan mod pengangkutan laut, terhad kepada perjalanan/destinasi berikut:
 - a) Semenanjung Malaysia ke Sabah/ Sarawak/Labuan;
 - b) Sabah/Sarawak/Labuan ke Semenanjung Malaysia; dan
 - c) Perjalanan di antara Sabah, Sarawak dan Labuan.

Penambahbaikan ini susulan daripada peluasan skop pengecualian CP bagi sektor logistik yang diumumkan pada 11 Mac 2024.

Peluasan skop pengecualian CP bagi perkhidmatan penyenggaraan

Kerajaan juga telah bersetuju supaya pengecualian daripada membayar CP diberikan kepada perkhidmatan penyenggaraan yang berkaitan dengan perkara berikut:

- I. Perkhidmatan pembaikan bangunan rumah kediaman;
- II. Kumpulan wang pelepas (*'sinking fund'*); dan
- III. Perkhidmatan penyenggaraan berkaitan tanah atau bangunan bagi kegunaan kediaman yang disediakan oleh pemaju, badan pengurusan bersama, perbadanan pengurusan atau persatuan kediaman.

Ini bermaksud apa-apa perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan di premis kediaman seperti pembaikan bumbung rumah atau apa-apa peralatan dan kelengkapan yang menjadi sebahagian daripada premis kediaman seperti lif, penyaman udara serta sistem pemanas air tidak dikenakan CP.

Kenaikan kadar CP daripada 6 peratus ke 8 peratus yang berkuat kuasa mulai 1 Mac 2024 lebih menumpukan kepada aktiviti berkaitan perkhidmatan kemahuan (*'discretionary'*) dan aktiviti antara perniagaan yang tidak melibatkan rakyat secara langsung. Ia tidak melibatkan perkhidmatan yang menjadi keperluan asas serta menjadi sebahagian daripada gaya hidup rakyat seperti makanan dan minuman, telekomunikasi serta parkir kenderaan.

Lampiran

Perbandingan butiran di bawah Kumpulan J: Perkhidmatan Logistik, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 selepas mengambil Kira Pindaan

ASAL

PINDAAN

Butiran	Penyedia Perkhidmatan	Butiran	Penyedia Perkhidmatan
1(a)	Perkhidmatan logistik termasuk keseluruhan atau sebahagian daripada rantaian bekalan perkhidmatan pengurusan logistik, pengurusan pelabuhan dan lapangan terbang, penggudangan atau pengurusan penggudangan, penghantaran fret, perkapalan, penerbangan atau kemudahan rantaian sejuk.	1(a)	Perkhidmatan logistik termasuk keseluruhan atau sebahagian daripada rantaian bekalan perkhidmatan pengurusan logistik, pengurusan pelabuhan dan lapangan terbang, penggudangan atau pengurusan penggudangan, penghantaran fret, perkapalan, penerbangan atau kemudahan rantaian sejuk.
1(b)	Perkhidmatan penghantaran atau pengedaran atau pengangkutan barang.		Perkhidmatan penghantaran atau pengedaran atau pengangkutan barang.
1(c)	Perkhidmatan penghantaran atau pengedaran atau pengangkutan barang, dokumen atau bungkusan dengan menggunakan platform E-Dagang termasuk bagi pihak mana-mana orang.	1(b)	Perkhidmatan penghantaran atau pengedaran atau pengangkutan barang, dokumen atau bungkusan dengan menggunakan platform E-Dagang termasuk bagi pihak mana-mana orang.
1(d)	Perkhidmatan kiriman cepat yang dilesenkan di bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Pos 2012 [Akta 741]	1(c)	Perkhidmatan kiriman cepat yang dilesenkan di bawah seksyen 10, Akta Perkhidmatan Pos 2012 [Akta 741]
2.	Orang bertindak sebagai ejen di bawah subseksyen 90(2) Akta Kastam 1967 [Akta 235]	2.	Orang bertindak sebagai ejen di bawah subseksyen 90(2) Akta Kastam 1967 [Akta 235]